

# Unit 13 Warisan Budaya Kekal Terpelihara

Halaman Buku Teks: 98 – 102

Kemahiran Membaca



Baca petikan, kemudian lengkapkan rajah berdasarkan petikan tersebut.

- Haziq : Saya berhajat untuk mempelajari cara-cara membuat wau. Bolehkah Pak Azman menerangkan secara ringkas cara-cara untuk membuat wau bulan?
- Pak Azman : Boleh, Haziq. Pak cik harap kamu dapat banyak bersabar semasa mendengarnya.
- Haziq : Saya mahu belajar membuat wau bulan kerana saya suka mendengar lagunya.
- Pak Azman : Pilihan kamu tepat, Haziq. Baiklah, langkah pertama, kita perlu menyediakan bahan-bahan seperti buluh untuk pembinaan rangka, kertas wau untuk badannya, gam, benang, gunting dan pisau kecil.
- Haziq : Oh, jadi kita perlu mencari buluhnya dahulu, Pak Azman?
- Pak Azman : Tepat sekali! Buluh itu pula perlu diraut nipis dan dijemur supaya ringan dan kuat. Kemudian, kita potong buluh mengikut bentuk wau dan ikat dengan benang supaya kukuh bentuk rangkanya.
- Haziq : Saya faham, sekarang. Apakah langkah yang seterusnya?
- Pak Azman : Kita tampalkan kertas wau di atas rangka menggunakan gam. Pastikan kedua-duanya melekat dengan kemas. Selepas itu, kita boleh mula menghias wau dengan corak dan warna pilihan.
- Haziq : Oh, begitu caranya!
- Pak Azman : Apabila kamu mahu menerbangkannya, pastikan angin cukup kuat. Sebaik-baiknya, pergilah ke kawasan padang yang lapang.
- Haziq : Saya fikir saya perlu belajar dahulu untuk membuatnya secara amali.
- Pak Azman : Pak cik bersedia untuk membimbing kamu sehingga kamu berjaya menerbangkan wau kamu sendiri.

PAK-21  
THINK  
Peta Alir



SP 2.1.1 Membaca, memahami dan mentafsir bahan sastrera dan bahan bukan sastrera.